

CUTI

di bawah Akta Kerja 1955



JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

Cuti Tahunan

- Setiap 12 bulan perkhidmatan berterusan:
 - 8 hari – jika bekerja kurang 2 tahun
 - 12 hari – jika bekerja 2 tahun tetapi kurang 5 tahun
 - 16 hari – jika bekerja 5 tahun dan lebih.
- Kelayakan cuti tahunan tidak termasuk hari rehat dan cuti am berbayar.



Cuti Am

- 11 hari cuti am berbayar setiap tahun kalendar.
 - 5 hari yang diwajibkan (tidak boleh diganti)
 - Hari Kebangsaan;
 - Hari Keputeraan YDP Agong
 - Hari Keputeraan Raja-Raja / YDP Negeri / Hari Wilayah Persekutuan;
 - Hari Pekerja;
 - Hari Malaysia; dan
 - 6 hari cuti am lain yang diwartakan.
- dan
- Cuti am tambahan yang diisytihar oleh Kerajaan Persekutuan.


Cuti Sakit

- Cuti sakit bagi setiap tahun kalendar selepas pemeriksaan doktor atas perbelanjaan majikan:
 - 14 hari – jika bekerja kurang 2 tahun
 - 18 hari – jika bekerja 2 tahun tetapi kurang 5 tahun
 - 22 hari – jika bekerja 5 tahun dan lebih.
- Cuti sakit termasuk cuti sakit pergigian.
- Hospitalisasi – 60 hari berterusan tidak termasuk cuti sakit.
- Tidak berhak cuti sakit bergaji semasa menerima elaun bersalin dan pampasan hilang upaya akibat bencana kerja.



Cuti Paterniti

- 7 hari berturut-turut termasuk hari rehat dan cuti am.
- Maksimum 5 kelahiran anak tanpa mengira bilangan isteri (bermula tarikh kuatkuasa peruntukan ini).
- Syarat-syarat:
 - telah berkahwin secara sah
 - telah bekerja sekurang-kurangnya 12 bulan dengan majikan yang sama.
 - telah memaklumkan tentang kehamilan isteri sekurang-kurangnya 30 hari sebelum isteri dijangka bersalin atau seawal mungkin selepas kelahiran.



Cuti Bersalin

- 98 hari berterusan termasuk hari rehat dan hari kelepasan am.
 - sekurang-kurangnya 22 minggu hamil semasa melahirkan anak sama ada hidup atau mati.
- Layak elaun bersalin sekiranya:
 - bekerja sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh 9 bulan sebelum bersalin;
 - bekerja sekurang-kurangnya 1 hari dalam tempoh 4 bulan sebelum bersalin; dan
 - mempunyai kurang daripada 5 orang anak yang masih hidup

